

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(PERMATANG PAUH)**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) usaha Kerajaan menyediakan jaringan perlindungan sosial untuk semua wanita di sektor tidak formal, selain Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mengambil kira penyatuan dana simpanan KWSP dan dana simpanan KWAP bagi memperkuat kestabilan dana pencerlang negara.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) telah mengambil pelbagai langkah bagi memperkuatkan sistem perlindungan sosial secara bersasar mahu pun umum kepada rakyat termasuk kumpulan kanak-kanak, wanita dan warga emas. Langkah ini diambil sebagai persediaan bagi rakyat terutamanya kumpulan rentan apabila berhadapan dengan pelbagai risiko seperti endemik COVID-19, ketidakcukupan pendapatan dan kesihatan mental. Antara beberapa langkah proaktif yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara adalah seperti berikut:

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah memperuntukkan penambahan 10 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi Kerajaan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
- b) cadangan penyediaan perlindungan sosial khusus kepada kanak-kanak, wanita dan warga emas yang bersepadu dan mampan juga sedang diteliti oleh KPWKM;
- c) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) turut mempelbagaikan saluran caruman untuk mempertingkatkan simpanan sebagai persediaan semasa usia persaraan dan akan memperluaskan liputan keselamatan sosial kepada pekerja tidak formal termasuk golongan wanita;
- d) di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri

NO. SOALAN : 45

(SKSPS) 2017 [Akta 789], Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut menyediakan perlindungan keselamatan sosial bagi individu-individu yang bekerja sendiri termasuklah golongan wanita di sektor tidak formal. Setakat 15 Oktober 2021, bilangan pencarum aktif di bawah SKSPS ialah 337,765; dan

- e) PERKESO melalui Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) juga telah menyediakan bantuan bagi perlindungan keselamatan sosial khusus kepada wanita iaitu Skim Pekerjaan Sendiri (SPS) Prihatin Wanita tanpa mengira had umur wanita yang bekerja sendiri daripada pelbagai sektor informal sama ada bekerja sepenuh masa atau separuh masa. Sehingga 15 Oktober 2021, seramai 13,930 wanita yang bekerja sendiri telah mencarum di bawah SPS Prihatin Wanita.

Sekian, terima kasih.